

## **Pengucapan Beradab Penglipur Lara melalui Naratif Lisan Persembahan Awang Batil**

**Madiawati Mamat@Mustaffa<sup>1\*</sup>, Rohaidah Haron<sup>1</sup> dan Rohayati Junaidi<sup>2</sup>**

<sup>1</sup>*Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia*

<sup>2</sup>*Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia*

### **ABSTRAK**

Sastera lisan merupakan warisan dan identiti bangsa Melayu yang mesti dibanggakan kerana merupakan lambang kebijaksanaan masyarakat terdahulu. Tidak banyak generasi muda yang mahu mempertahankan warisan ini, sehingga akhirnya hilang ditelan zaman. Sebagai sastera lisan, Awang Batil amat wajar dipertahankan kerana ia bukan sekadar hiburan, tetapi elemen kebijaksanaan yang terangkum dalam persembahannya perlu ditafsirkan. Sehubungan dengan itu, kajian ini bertujuan mengenal pasti dan membincangkan elemen kebijaksanaan dan kecerdasan dalam persembahan Awang Batil. Metode utama kajian ini ialah lapangan menerusi teknik rakaman, wawancara, dan catatan langsung. Kebijaksanaan dan kecerdasan persembahan Awang Batil diteliti berdasarkan dua perspektif, iaitu kecerdasan linguistik dan kecerdasan muzik. Kecerdasan linguistik membincangkan pengucapan beradab, kebolehan berbahasa, dan kebolehan mengingat, manakala kecerdasan muzik pula dilihat dari dua aspek, iaitu alat muzik dan puisi. Analisis membuktikan persembahan Awang Batil menyerlahkan kebijaksanaan dan kecerdasan seseorang penglipur lara sebagaimana yang digariskan menerusi Teori Kecerdasan Pelbagai (*Multiple Intelligences Theory*). Terbukti bahawa Awang Batil bukan sekadar ‘penghibur kampung’, tetapi naratif lisan ini telah

berjaya menawan masyarakat global dengan mengadakan banyak persembahan di luar negara. Diharapkan kajian-kajian tentang Awang Batil wajar diperbanyak agar dapat menjadi rujukan generasi baharu.

### ARTICLE INFO

#### *Article history:*

Received: 23 October 2023

Accepted: 08 March 2024

Published: 28 May 2024

DOI: <https://doi.org/10.47836/pjssh.32.S2.01>

#### *E-mail addresses:*

atie@um.edu.my (Madiawati Mamat@Mustaffa)

eydal826@um.edu.my (Rohaidah Haron)

rohayati@fbk.upsi.edu.my (Rohayati Junaidi)

\*Corresponding author

*Kata kunci:* Awang Batil, kecerdasan linguistik, kecerdasan muzik, naratif lisan, penglipur lara

## *The Civilized Speech of a Storyteller through the Oral Narrative Awang Batil Performance*

### **ABSTRACT**

*Oral literature is the heritage and identity of the Malay nation that must be proud because it symbolises the wisdom of the previous society. Not many young generations want to defend this heritage until it is eventually lost to time. As with oral literature, Awang Batil deserves to be defended; it is not just entertainment, but the elements of wisdom contained in his performance need to be interpreted. Accordingly, this study aims to identify and discuss the elements of wisdom and intelligence in Awang Batil's performance. The main method of this study is field research through recording techniques, interviews, and direct notes. Awang Batil's performance's wisdom and intelligence are examined based on two perspectives: linguistic intelligence and musical intelligence. Linguistic intelligence discusses civilized pronunciation, language ability, and memory ability, while musical intelligence is seen from two aspects, namely musical instruments and poetry. Analysis proves that Awang Batil's performance highlights the wisdom and intelligence of a comforter through the Multiple Intelligences Theory. It is evident that Awang Batil is not just a 'village entertainer', but this oral narrative has successfully captivated the global community by holding many performances abroad. It is hoped that studies about Awang Batil will be increased so that it can be a reference for the new generation.*

Keywords: *Awang Batil, linguistic intelligence, musical intelligence, oral narrative, storyteller*

---

### **PENGENALAN**

Penglipur lara Awang Batil atau nama sebenarnya ialah Romli Mahmud mewarisi permainan Awang Batil daripada almarhum bapanya, iaitu Mahmud Wahid. Permainan Awang Batil yang dikendalikan oleh Romli Mahmud menarik perhatian khalayak kerana pengucapan naratif lisan yang dipersembahkan adalah secara bersahaja dan menghiburkan. Ini sesuai dengan pengertian konsep penglipur lara itu sendiri, iaitu merujuk kepada tukang cerita yang peranannya menghiburkan hati khalayak dengan kata-kata yang indah bagi menghilangkan kesedihan atau duka lara. Isa

(1987) menjelaskan bahawa konsep cerita-cerita melipur hati yang disampaikan kepada khalayak mempunyai unsur dalaman yang lebih menarik, lebih daripada cerita-cerita rakyat yang lain seperti cerita binatang ataupun cerita jenaka.

Penglipur lara seorang yang berkebolehan bukan sahaja bercerita tetapi melakonkan aksi watak-watak dalam ceritanya, mengajuk ucapan dialog dan bangun menari, bersilat, berjalan dan bergerak di pentas untuk menghidupkan ceritanya. Dia juga menggunakan topeng-topeng untuk menggambarkan lebih jelas rupa sesuatu watak terutama watak utama dan watak jahat. Kadang-kadang penglipur

lara menyarungkan pakaian seperti baju layang atau jubah yang longgar dengan cepat di atas pentas bagi mengindahkannya lagi penceritaannya (Ensiklopedia Sejarah Kebudayaan Melayu, 1999).

Penglipur lara juga tidak dapat dipisahkan dengan pengucapan kata-kata bagi menawan atau menarik hati khalayak. Justeru, seseorang penglipur lara perlu mementingkan aspek pengucapan dalam persembahannya, di samping elemen-elemen lain dalam persembahan. Rahman (2014) menjelaskan bahawa dunia penglipur lara adalah dunia kata-kata yang membawa maksud pencerita bersama kisahnya tidak dapat dipisahkan daripada sastera rakyat dan zaman Bahari. Ini dapat menjelaskan bahawa kata-kata pengucapan penglipur lara mempunyai fungsi dan peranannya yang tertentu pada zaman dahulu.

Tradisi lisan dapat dibahagikan kepada empat. Pertama, pengucapan-pengucapan yang menggunakan bahasa seperti cerita-cerita rakyat, mitos, legenda, cerita-cerita penglipur lara, peribahasa, ungkapan-ungkapan, nyanyian rakyat dan teka-teki. Kedua, perlakuan-perlakuan seperti adat istiadat, adat resam, drama, permainan dan kepercayaan-kepercayaan. Ketiga, peralatan budaya seperti artifak-artifak atau alatan telah kita gunakan dalam kebudayaan kita. Keempat, aspek-aspek budaya jenis benda seperti muzik dan kesenian (Isa, 1987).

Dalam artikel ini, aspek cerita atau naratif lisan akan ditumpukan kepada persembahan penglipur lara dalam menyampaikan cerita. Kajian ini akan mengenal pasti dan membincangkan elemen

kebijaksanaan dan kecerdasan dalam cerita-cerita Awang Batil menerusi satu-satunya warisan Awang Batil yang masih ada, iaitu Romli Mahmud. Data kajian akan dianalisis menggunakan Teori Kecerdasan Pelbagai (*Multiple Intelligence Theory*) yang telah diperkenalkan oleh Gardner (1983) bagi menyerlahkan kebijaksanaan penglipur lara menyusun naratif, kata-kata serta perlakuan dalam persembahan Awang Batil.

## SOROTAN KAJIAN

Kajian sastera rakyat pada awalnya telah dilakukan William Maxwell dan R.J. Wilkinson. Richard Winstedt dan A.J. Sturrock mengumpul cerita-cerita lipur lara daripada negeri Perak dan Negeri Sembilan. Cerita-cerita yang dikumpulkan ialah hasil tuturan Mir Hassan, menantu Pawang Ana, antaranya seperti *Hikayat Awang Sulung Merah Muda*, *Malim Dewa*, *Raja Muda* dan *Hikayat Anggun Cik Tunggal* (Ahmad, 2007). Seterusnya sastera rakyat ini dikaji oleh sarjana-sarjana tempatan yang membawa kepada perkembangannya pada zaman ini. Bagi tujuan artikel ini, kajian yang disorot adalah khusus kepada kajian cerita lipur lara Awang Batil dan Teori Kecerdasan Pelbagai (*Multiple Intelligence Theory*) bagi melihat aspek kajian yang telah dilakukan oleh para sarjana.

Penelitian sorotan kajian mendapati masih belum ada lagi kajian berkenaan Teori Kecerdasan Pelbagai dalam bidang kesusasteraan atau khusus kepada penglipur lara diusahakan oleh mana-mana pengkaji. Namun begitu, kajian-kajian tentang Awang Batil ada dilakukan oleh para pengkaji dari

pelbagai perspektif. Misalnya, kajian yang memperkenalkan tentang permainan Awang Batil dapat diteliti menerusi kajian oleh Isa (1987) yang memaparkan tentang cerita lipur lara yang khusus kepada permainan Awang Belanga (kini dikenali sebagai Awang Batil). Kajian ini membicarakan tentang latar belakang, salasilah dan peranan Awang Belanga sebagai tukang cerita. Selain itu, buku ini juga mengumpul koleksi cerita Awang Belanga yang telah ditranskripsikan serta menjelaskan elemen-elemen yang berkaitan seperti motif, tipa cerita, tema, struktur dan lain-lain yang merupakan ciri-ciri umum sesebuah naratif lisan.

Kajian oleh Kassim (2014) pula meneliti aspek fungsi dan falsafah dalam permainan Awang Batil melalui dialog dan lagu-lagu yang dimainkan oleh Awang Batil semasa mengiringi persembahannya. Aspek peranan dan keistimewaan Awang Batil pula dapat dilihat dalam kajian oleh Hamid et al. (2016) dan Rahman (2015). Kedua-dua kajian tersebut menjelaskan bahawa penglipur lara Awang Batil mempunyai peranan yang penting dalam masyarakat kerana ceritanya membawa kisah-kisah yang bukan sahaja menghiburkan tetapi dapat memberi manfaat kepada khalayaknya. Namun begitu, kajian tentang peranan Awang Batil hanya dilihat kepada bentuk persembahan, peranan dan kepentingannya kepada masyarakat. Belum ada kajian yang membicarakan kepelbagaian kecerdasan yang melihat sejauh mana kemampuan dan kebijaksanaan Awang Batil berkomunikasi dengan khalayaknya.

Justeru, kajian berkenaan persembahan Awang Batil dari perpesktif Teori Kecerdasan Pelbagai dapat memperlihatkan kemampuan Awang Batil mengendalikan persembahan dari pelbagai sudut. Banyak kajian yang telah dilakukan menggunakan Teori Kecerdasan Pelbagai, namun begitu kajian hanya menumpukan perbincangan dalam bidang pendidikan yang mengkhususkan tentang kemahiran berfikir pelajar dan guru. Antara kajian tempatan yang menggunakan teori ini ialah kajian oleh Nasyura et al. (2018). Kajian ini mengupas aspek kecerdasan pelbagai dalam kalangan guru mata pelajaran Sains dengan tahap kemahiran berfikir pelajar sekolah menengah. Kajian tentang kecerdasan pelbagai yang dominan dalam kalangan guru mendapati bahawa Teori Kecerdasan Pelbagai ialah kajian untuk pelbagai lapisan masyarakat yang mempunyai pelbagai kriteria.

Kajian kecerdasan pelbagai dalam bidang pendidikan yang terkini dilakukan oleh Zakaria dan Daud (2021). Kajian ini menerapkan Teori Kecerdasan Kepelbagaian melalui penjanaian kemahiran insaniah melalui aktiviti pembelajaran seperti aktiviti kurikulum dan kokurikulum di universiti. Manakala Kho et al. (2020) pula mengkaji pengaruh kecerdasan pelbagai terhadap pencapaian akademik bagi subjek Pengajian Perniagaan di Larut, Matang dan Selama (LMS), Perak. Kajian tersebut memperlihatkan hanya domain-domain tertentu sahaja yang signifikan dengan data kajian. Justeru, kajian tentang persembahan Awang Batil ini hanya mengkaji dua domain yang berkaitan sahaja, iaitu

domain kecerdasan linguistik dan domain kecerdasan muzik bagi memperlihatkan kebijaksanaan penglipur lara mengendalikan persembahannya.

## METODOLOGI

Kajian ini menggunakan dua kaedah kajian untuk pengumpulan data, iaitu kaedah kepustakaan dan kaedah lapangan. Kaedah kepustakaan digunakan bagi memperoleh data-data kajian lepas dan maklumat tentang kajian cerita lipur lara. Bahan-bahan kajian adalah dalam pelbagai bentuk yang merangkumi kajian ilmiah seperti tesis, artikel dalam jurnal, bab dalam buku, buku dan juga kajian-kajian dalam bentuk digital. Kaedah lapangan pula dilakukan bagi mendapatkan maklumat tentang Awang Batil dan persembahannya secara terperinci. Sehubungan dengan itu, sebanyak tiga teknik kajian lapangan telah diaplikasikan oleh pengkaji: (1) teknik rakaman, (2) teknik wawancara, dan (3) teknik catatan langsung. Pengkaji telah mewawancara informan bagi mengetahui latar belakang pencerita, bentuk-bentuk persembahan, pantang larang dalam persembahan, proses penciptaan cerita, peralatan bantu persembahan dan pengucapan naratif lisan cerita-cerita Awang Batil. Rakaman wawancara ini telah dilakukan pada bulan Jun 2023 di rumah informan yang terletak di Kampung Pokok Sena Chuping, Perlis.

Kajian tentang kebijaksanaan dan kecerdasan naratif lisan Awang Batil ini akan dianalisis menggunakan kerangka Teori Kecerdasan Pelbagai (*Multiple Intelligence Theory*) yang telah diperkenalkan oleh

Gardner (1983) dalam karyanya *Frames of Mind*. Teori tersebut menjelaskan cara-cara manusia berfikir dengan pelbagai kecerdasan yang berbeza-beza. Kewujudan beberapa kekuatan intelek yang berbeza, atau kecekapan, setiap satunya mungkin mempunyai sejarah perkembangannya sendiri. Kecerdasan melibatkan kebolehan seseorang untuk menyelesaikan masalah ataupun melakukan sesuatu yang dianggap berharga dalam satu ataupun lebih budaya.

Walaupun teori ini merupakan teori yang menjelaskan aspek kognitif dan perkembangan psikologi dalam bidang pendidikan, namun pernyataan Gardner (1983) tentang kecerdasan sebagai kebolehan atau keupayaan manusia untuk menyelesaikan atau menangani masalah dapat disesuaikan terhadap persembahan penglipur lara yang menghasilkan produk warisan seterusnya dapat mengangkat budaya sesebuah bangsa. Pada awalnya, teori ini mengemukakan tujuh kecerdasan pelbagai manusia, tetapi pada tahun 1999, beliau telah menambah dua lagi aspek kecerdasan manusia. Aspek kecerdasan manusia termasuklah (1) kecerdasan linguistik, (2) logikal matematik, (3) spatial/visual ruang, (4) kinestetik, (5) muzik, (6) interpersonal, (7) intrapersonal, (8) naturalis dan (9) spiritual/eksistensialisme. Kesemua kecerdasan yang dikemukakan dalam teori ini memperlihatkan bahawa kemampuan manusia adalah berbeza-beza mengikut latar belakang, pengalaman dan lingkungan budaya individu.

Bagi tujuan perbincangan terhadap kecerdasan pelbagai dalam persembahan

Awang Batil, hanya dua aspek kecerdasan yang diberi perhatian, iaitu kecerdasan linguistik dan kecerdasan muzik. Kedua-dua aspek ini memperlihatkan kajian secara menyeluruh yang bukan sahaja dapat menggambarkan kemampuan penglipur lara mengungkapkan naratif lisan dengan pelbagai gaya tetapi juga merangkumi aspek kemampuan penggunaan bahasa, penyampaian persembahan dan kemahiran-kemahiran lain yang berkaitan terutamanya dalam mengendalikan hal-hal yang berkaitan dengan muzik dalam persembahan. Aspek kecerdasan linguistik merupakan kecenderungan seseorang berfikir yang menggunakan perkataan untuk menyampaikan sesuatu secara berkesan sama ada dalam bentuk lisan ataupun tulisan. Individu dalam kategori ini dikatakan mudah berbahasa bagi melahirkan perasaan dan pendapat serta suka kepada makna yang kompleks. Selain itu, individu berkenaan juga mudah mengingati maklumat dan dapat menyakini orang lain.

Kecerdasan muzik pula merupakan kemahiran dalam mengendalikan muzik termasuklah meluahkan fikiran dan perasaan melalui muzik. Kecerdasan ini membantu individu memahami keistimewaan muzik dalam menyampaikan buah fikiran yang membawa kepada kecerdasan manusia yang lain. Kemahiran muzik bukan sahaja bergantung kepada bakat semula jadi tetapi juga bertitik tolak daripada bakat yang diwarisi dan juga bergantung kepada persekitaran setiap individu. Kecerdasan muzik dilihat kepada kemahiran bermain alat muzik, kebolehan mengesan irama dan

bunyi-bunyi alamiah, melantunkan bunyi dan lagu, mengubah bait kata menjadi lagu dan mengetuk peralatan mengeluarkan bunyi yang berirama. Gardner (1983) menjelaskan muzik sebagai gabungan susunan nada yang mempunyai kesan yang menyenangkan telinga, dan memberi kesan pada kecerdasan serta dapat mempengaruhi jiwa manusia.

Secara ringkasnya dapat dikatakan bahawa kedua-dua aspek kecerdasan ini akan melibatkan penyataan bahasa dan pemilihan kata bagi mengungkapkan kata-kata yang menyenangkan. Berikut dibincangkan aspek kecerdasan linguistik yang merangkumi pengucapan beradab, kebolehan berbahasa, dan kebolehan mengingat. Aspek kecerdasan muzik pula dibincangkan melalui permainan alat muzik dan puisi dalam Cerita Awang Batil.

## **ANALISIS DAN PERBINCANGAN**

### **Kecerdasan Linguistik dalam Persembahan Awang Batil**

Kecerdasan linguistik merupakan penelitian kepada kemampuan Awang Batil menggunakan naratif secara berkesan. Kecerdasan ini merangkumi aspek kebolehan pengucapan beradab, kebolehan berbahasa dan kebolehan mengingat dalam menyampaikan maklumat semasa persembahan. Gardner (1983) menjelaskan bahawa aspek ini berkaitan juga dengan penggunaan dan pengembangan bahasa secara lisan mahupun tulisan antaranya seperti yang dimiliki oleh pencipta lagu, penulis, wartawan, penyair dan penceramah.



## Pengucapan Beradab

Pengucapan beradab merujuk kepada penggunaan ungkapan dan kata-kata yang baik serta santun yang perlu diterapkan dalam komunikasi antara manusia. Penggunaan kata-kata yang baik akan mencerminkan nilai yang baik. Pengucapan beradab dalam persembahan Awang Batil dapat dilihat kepada struktur naratif cerita Awang Batil itu sendiri. Pada pembukaan atau permulaan persembahan, Awang Batil atau Romli Mahmud akan memulakan ucapan dengan memuliakan tetamu sebagai tanda hormat kepada khalayaknya tanpa mengira pangkat, usia ataupun kedudukan dalam masyarakat. Peringkat pembukaan atau dikenali sebagai 'makan pinang' merupakan kata-kata ucapan pembukaan untuk menghormati khalayak, contohnya:

He...i, dua dah tiga menolak cik sudah, mengayun salam mengonak cik likun mengunjung tabik ngunjung cik sem..bah....

He...i, mengunjung tabik pada professor, pensyarah-pensyarah, tuan-tuan dan puan-puan sekalian yang ada, kami tabik semua, kami tabik bela...ka....

He...i, habislah tabik kecil, besar, tua, muda, jantan, betina, Mak Long, Mak Ngah, pakcik, Pak Chah, kami tabik jugak. Mana tak kena pakat tolong pekena. Yang mana tak betui pakat tolong pebe...tui....

*(Cerita Awang Batil)*

Dalam contoh tersebut, Awang Batil dilihat telah menggunakan ungkapan dan kata-kata yang bercirikan bahasa yang beradab dan santun. Misalnya, ungkapan *mengunjung tabik*, *sembah* dan *mana tak betui pakat tolong pebetui* menggambarkan bahawa seseorang pencerita menghormati serta merendah diri di hadapan khalayaknya. Keadaan ini dijelaskan oleh Gardner (1983, p. 131) sebagai *special clarity the core operations of language*, iaitu pencerita peka dan sensitif kepada kata-kata yang membawa makna yang tertentu. Ternyata, sebagai penglipur lara, Awang Batil merupakan seorang yang peka terhadap status khalayaknya yang pelbagai. Kemahiran berkomunikasi ini bukan sahaja perlu dipraktikkan dalam persembahan lipur lara tetapi juga dalam apa-apa jua situasi.

Pengucapan beradab yang lain juga dapat dilihat pada permulaan persembahan apabila Awang Batil mengungkapkan kata-kata, "bohonglah orang, bohonglah kita". Pengucapan ini memperlihatkan bahawa Awang Batil mempunyai kebijaksanaan dalam memilih kata bagi menjelaskan soal keabsahan sesebuah cerita. Kata-kata tersebut menjelaskan bahawa cerita tersebut bukanlah daripada cerita yang sahih dan diambil daripada cerita-cerita terdahulu. Jika maklumat yang disampaikan oleh orang terdahulu itu tidak betul ("bohonglah orang"), maka maklumat yang disampaikan oleh Awang Batil juga tidak betul ("bohonglah kita"). Pemilihan kata tersebut sesuai dengan ciri sastera lisan yang bersifat kolektif dan diwarisi secara turun-temurun.

Naratif lisan Awang Batil mempunyai gaya tersendiri yang disampaikan dalam setiap cerita lisannya. Walaupun pemilihan katanya yang ringkas dan mudah, namun ungkapan ini dapat memperlihatkan identiti Awang Batil yang menggunakan dialek Perlis dalam setiap kali persembahannya. Penggunaan dialek merupakan satu ciri unik dalam naratif lisan kerana dapat menyerlahkan cerita dalam lingkungan budaya yang tersendiri. Dalam hal ini, menurut Ahmad (2007):

Pembawa tradisi aktif seperti tukang cerita sendiri mungkin tidak menyedari kesan cerita yang disampaikannya, namun cerita itu meninggalkan kesan budaya dengan pelbagai cara dan rupa.

(Ahmad, 2007, p. xxix)

Selain daripada kesan budaya, perlakuan penglipur lara juga menjadi contoh kepada masyarakat di sekitarnya. Khalayak akan rasa dihargai dengan ungkapan kata-kata beradab, mereka seolah-olah rasa dihargai dengan keberadaan dalam persembahan Awang Batil tersebut. Pemilihan kata yang tepat bukan sahaja menyerlahkan kebijaksanaan pencerita tetapi secara tidak langsung dapat memberi teladan kepada masyarakat untuk melakukan perkara yang sama. Gardner (1983) ada menjelaskan bahawa pemilihan bahasa yang baik juga mempunyai potensi untuk menggembarakan, meyakinkan, merangsang, dan menyampaikan maklumat dengan berkesan kepada khalayak.

Bagi sesetengah masyarakat, cerita rakyat atau legenda yang sedia ada dapat menjadi templat sejarah yang menggambarkan jiwa kolektif rakyat atau masyarakat tertentu. Dalam keadaan sedar dan tidak sedar, sesetengah masyarakat tertentu akan mencari jalan keluar dengan menggunakan metafora bahasa dalam pengucapan lisannya (Sikha, 2023). Penglipur lara sebagai seorang yang menjadi contoh kepada masyarakat dalam budayanya perlu mementingkan pengucapan beradab, sama ada daripada pengungkapan kata ataupun penggunaan bahasanya dan gaya verbalnya agar penyampaian naratif lisan dapat ditanggapi secara baik oleh khalayak. Pengucapan beradab yang dikemukakan dalam persembahan Awang Batil memperlihatkan bahawa walaupun individu ini tidak menerima pendidikan yang tinggi tetapi mampu menggunakan ungkapan yang baik dalam persembahannya. Ini sekali gus memperlihatkan bahawa Awang Batil mempunyai kebijaksanaan yang tersendiri dalam mengendalikan khalayaknya.

### **Kebolehan Berbahasa**

Sebagai seorang penghibur, penglipur lara sudah tentu perlu mempunyai kemahiran berbahasa bagi menyampaikan maklumat ataupun ceritanya dalam pelbagai variasi serta menyerlahkan gayanya yang tersendiri. Sebagaimana yang dijelaskan sebelum ini, persembahan Awang Batil menggunakan dialek tempatan, iaitu dialek negeri Perlis. Dialek yang digunakan tidak terlalu sukar dan mudah difahami oleh khalayak yang bukan datang daripada negeri Perlis.



Penggunaan dialek menjadikan khalayak tempatan yang menyaksikan persembahan tersebut akan terasa dekat dengan cerita yang dipersembahkan. Antara dialek Perlis yang digunakan oleh Awang Batil ialah seperti *turbik, keluaq, pendekaq, pi, marka, ralit dan teriak* merupakan dialek yang mudah dan dapat difahami oleh masyarakat dari luar daerah. Penggunaan dialek tersebut juga memperlihatkan bahawa Awang Batil masih lagi mementingkan dialek tempatan walaupun cerita tersebut dipersembahkan di luar negeri Perlis seperti di Kuala Lumpur, Kedah, Pulau Pinang, Singapura dan Selatan Thailand. Kebolehan Awang Batil menggunakan dialek yang mudah difahami juga merupakan kemahiran yang perlu ada pada seseorang penglipur lara agar ceritanya dapat difahami oleh khalayak. Awang Batil boleh sahaja memilih dialek-dialek ataupun istilah yang sukar difahami kerana beliau penutur jati Perlis, namun apabila menyampaikan cerita kepada khalayak umum, beliau memilih bahasa yang mudah tetapi masih lagi mengekalkan ciri-ciri dialek tempatan. Hal ini ada dibincangkan oleh Gardner (1983) melalui aspek kecerdasan linguistik sebagai kebolehan menggunakan bahasa yang dapat meyakinkan orang lain. Awang Batil dapat menarik perhatian khalayak yang tidak memahami dialek Perlis untuk menonton persembahannya. Hal ini dapat dilihat dengan persembahan Awang Batil yang diadakan di seluruh Malaysia dan juga di luar negara. Penyampaian cerita Awang Batil mampu juga menarik perhatian khalayak daripada luar negara antaranya seperti Singapura, Jepun, Jerman dan Brazil.

Kebolehan berbahasa juga dapat dilihat kepada gaya bahasa yang digunakan oleh Awang Batil dalam menyampaikan ceritanya. Berdasarkan kerja lapangan, terdapat tiga buah cerita Awang Batil yang dapat dirakam, iaitu cerita *Cerita Awang Ada Duit Semua Boleh Jadi, Cerita Awang Akar Larak* dan *Cerita Awang Betul*. Awang Batil menyampaikan cerita dalam pelbagai gaya bahasa. Penglipur lara yang berkemahiran akan menggunakan gaya bahasa bukan sahaja dapat menyerlahkan penceritaannya tetapi juga menyampaikan emosi dan fikirannya dengan cara yang mudah difahami oleh khalayak. Misalnya, terdapat rangkai kata yang lucu bagi menghidupkan suasana penceritaan, contohnya:

He...i, pada tika ni waktunya ngeni,  
hang gelak kat aku, aku kelih kat  
hang. Hang senyum mai, aku  
senyum pi. Hang kesot mai, aku  
kesot pi. Hang kenyit mata kenyoit  
cik mi...sai....

(*Cerita Awang Akar Larak*)

Ungkapan tersebut kelihatan secara bersahaja bagi menggambarkan situasi khalayak yang berada di hadapan pentas yang bertujuan mengusik dan menghidupkan suasana. Ungkapan kata ini dilafazkan secara spontan dan mencetuskan gelak ketawa daripada khalayak yang menyaksikan persembahan beliau. Secara tidak langsung, keadaan ini akan mewujudkan interaksi antara satu sama lain. Gambaran suasana ini akan meninggalkan satu pengalaman yang menarik kepada mereka yang mengikuti persembahan tersebut. Awang Batil bukan

sahaja mempunyai kemahiran berkomunikasi yang baik dalam menyampaikan cerita, malah berjaya mencuit hati khalayak dengan tingkah lakunya yang lucu dan bersahaja

Setiap pencerita mempunyai kemahiran bahasa yang berbeza. Awang Batil turut menggunakan gaya bahasa perbandingan bagi menjelaskan peristiwa yang berlaku dalam ceritanya secara berkesan. Antaranya dalam *Cerita Awang Ada Duit Semua Jadi* diperihalkan seperti berikut:

He...i, lama-lama orang kampung dah membenci, kerja cemuih kat Awang. Ada juga kata Awang tu gila, duk kata yang tu sa...ja....

He...i, orang kampung pandang macam kucing basah.

(*Cerita Awang Ada Duit Semua Jadi*)

Penggunaan gaya bahasa perbandingan dalam contoh tersebut menguatkan lagi pemerian yang diceritakan oleh penglipur lara. Merujuk kepada peristiwa itu, Awang Batil berjaya menyampaikan rasa kebencian orang kampung terhadap perlakuan Awang yang meletakkan duit sebagai perkara utama dalam kehidupan. Ungkapan *macam kucing basah* tersebut memperlihatkan bahawa orang kampung tidak lagi mempedulikan Awang Batil yang sentiasa mementingkan duit dalam setiap perkara yang dilakukan. Gaya bahasa perbandingan yang digunakan oleh Awang Batil bukan sekadar memberi kesan dan makna sesebuah peristiwa dalam naratif tersebut tetapi juga memperlihatkan tentang kemampuan Awang Batil menggunakan gaya bahasa untuk menyentuh

emosi penontonnya. Pemilihan dan penggunaan gaya bahasa yang sesuai dalam menuturkan cerita juga memperlihatkan kemahiran berfikir seseorang pencerita dengan tujuan menyentuh emosi, memberi lebih pemahaman ataupun mewujudkan suasana cerita sesuai dengan maklumat yang hendak disampaikan. Gaya bahasa yang pelbagai juga digunakan bagi menghidupkan sesebuah karya sama ada karya lisan ataupun bertulis yang akhirnya akan menyerlah keindahan sesebuah cerita.

### **Kebolehan Mengingat**

Aspek kecerdasan linguistik juga merujuk kepada kecerdasan seseorang mengingati sesuatu maklumat. Dalam konteks persembahan Awang Batil, Romli Mahmud dapat dikatakan seorang tukang cerita yang mempunyai daya ingatan yang kuat pada usia beliau mencecah 69 tahun. Beliau berkebolehan menyampaikan cerita dengan lancar dan tidak tersekat-sekat. Romli Mahmud memang seorang yang berkebolehan dalam mengingati jalan cerita serta watak-watak yang terlibat. Ini dapat dibuktikan daripada cerita-cerita yang dipersembahkan adalah sama seperti cerita yang dituturkan oleh almarhum ayahnya, iaitu Pak Mahmud Wahid (Awang Belanga). Jika ada perubahan mungkin kepada nama watak dan gaya penceritaannya sahaja. Hal ini diakui oleh Romli Mahmud (wawancara pada Jun 2023) sendiri bahawa terdapat juga cerita-cerita yang diolah semula mengikut kesesuaian zaman dan khalayak yang mengikuti persembahannya. Keupayaan mengingat yang tinggi dalam usia yang

agak lanjut tidak terdapat pada semua orang, melainkan kepada orang-orang yang tertentu sahaja. Rahman (2015) ada menjelaskan tentang perubahan yang dilakukan terhadap kumpulan cerita Awang Batil seperti berikut:

Walau bagaimanapun, pengumpulan cerita ini telah menunjukkan bahawa Awang Batil alias Romli Mahmud telah melakukan sedikit penambahan dan perubahan koleksi cerita, berbanding koleksi Pak Mahmud dahulu. Cerita-cerita yang sering dituturkan oleh Awang Batil alias Romli Mahmud sekarang ialah (1) Awang Akar Larak, (2) Awang Denoi, (3) Awang Biawak, (4) Awang Betui, (5) Awang Geliga Embun, (6) Awang Kambing Berak Tahi Emas, (7) Awang Nasik Sejuk, dan (8) Awang Ada Duit Semua Jadi. Berbanding Awang Batil alias Romli Mahmud, koleksi cerita bapanya, iaitu Allahyarham Pak Mahmud, agak berbeza dengan yang dipersembahkan kini, kerana terdapat penambahan tajuk, iaitu (1) Cerita Awang Malim Awang Leman, (2) Cerita Awang Segan, (3) Cerita Jabak Jabek, (4) Cerita Malim Deman, (5) Cerita Raja Dewa Lok, dan (6) Cerita Raja Radin Mas.

(Rahman, 2015, p. 51)

Pertukaran tajuk yang dilakukan oleh Awang Batil adalah untuk disesuaikan dengan situasi zaman dan khalayak yang

mengikuti persembahannya. Dalam wawancara yang dilakukan, Awang Batil ada menjelaskan bahawa terdapat juga cerita-cerita yang pernah dituturkan oleh bapanya tidak dipersembahkan oleh beliau kerana menyentuh isu sensitiviti agama dan masyarakat. Dari sini dapat dinyatakan bahawa Awang Batil bercerita dengan rasa tanggungjawab dalam menyampaikan maklumat yang benar. Kemampuan berfikir seperti ini perlu ada dalam diri pencerita atau penghibur agar maklumat yang disampaikan dapat memberi nilai dan manfaat kepada masyarakat.

Awang Batil tidak mempunyai petua khusus untuk mengekalkan daya ingatan. Semasa ditanya semasa sesi wawancara, beliau cuma menjelaskan bahawa kekerapan bercerita dan persekitaran juga mempengaruhi daya kreativiti dan ingatan beliau. Selain itu, beliau juga ada menjelaskan bahawa sentiasa melakukan kebaikan dapat mengekalkan daya ingatan. Menurut Gardner (1983), kecerdasan tidak dapat diwarisi semata-mata dan kecerdasan seseorang individu juga dapat dipengaruhi oleh budaya, persekitaran, peluang pendidikan, makanan, suasana pembelajaran dan lain-lain. Dalam konteks ini, Awang Batil bukan sahaja mewarisi bakat daripada bapanya sebelum ini, tetapi juga sentiasa menambah pengetahuan tentang dunia penglipur lara. Beliau sering mengikuti almarhum bapa dan rakan-rakan bapanya mengadakan persembahan supaya dapat mempelajari secara mendalam tentang dunia lipur lara.

## **Kecerdasan Muzik dalam Persembahan Awang Batil**

**Alat Muzik dalam Persembahan Awang Batil.** Kecerdasan muzik merangkumi kebolehan bermain alatan muzik, mengubah, menyanyikan dan menghayati lagu. Kecerdasan ini melibatkan seni kreativiti yang tinggi dan dikatakan oleh Gardner (1983) sebagai kecerdasan awal yang diperoleh manusia. Dalam perbincangan ini, kecerdasan muzik dalam persembahan Awang Batil difokuskan kepada penggunaan alat muzik, mengubah pemerian kepada bahasa berirama dan penggunaan puisi dalam naratif lisan.

Muzik merupakan terapi dalam kehidupan. Elemen ini juga penting untuk memberi kesan emosi dan keseronokan dalam cerita. Karya sastera terutamanya sastera lisan tidak dapat lari daripada penggunaan muzik. Piragasam et al. (2013) dalam Ismail et al. (2021) menjelaskan bahawa muzik mempunyai kesan emosi dan psikologi kepada individu dengan meningkatkan ciri-ciri aktualisasi diri dan keperibadian individu yang berbakat. Peranan penglipur lara ialah menghiburkan hati yang lara dan sedih. Muzik merupakan satu kaedah untuk mengurangkan rasa kesedihan. Hal ini dapat dilihat pada Awang Batil yang merupakan penglipur lara berkemahiran dan berbakat menggunakan alat muzik semasa persembahannya. Persembahan Awang Batil menggunakan alat yang dikenali sebagai batil yang asalnya merupakan sejenis bekas tembaga yang kebiasaannya digunakan untuk mengisi air. Namun begitu, batil ini digunakan oleh Romli Mahmud

sebagai alat muzik untuk mengiringi persembahannya. Batil diketuk dengan mengeluarkan bunyi dan rentak mengiringi cerita dalam rima dan nada tertentu. Rentak dan bunyi tersebut akan disesuaikan dengan peristiwa cerita yang akhirnya melahirkan cerita-cerita yang indah pada susunan bahasa serta bunyi yang menyenangkan dan menarik. Kemahiran yang ada pada Awang Batil memperlihatkan sesuatu yang jarang terdapat kepada penglipur lara yang lain. Penglipur lara di Malaysia biasanya menggunakan gelaran berdasarkan alat muzik yang digunakan dalam sesebuah persembahan. Alat-alat muzik yang biasa digunakan dalam pengkisahan cerita lipur lara antaranya seperti rebab, rebana, biola, serunai dan gendang. Namun, berlainan dengan persembahan Awang Batil yang menggunakan batil atau belanga sebagai peralatan utama selain alat-alat muzik seperti serunai, biola dan gendang semasa mengiringi sesebuah persembahan. Bunyian daripada alat muzik ini akan mengekspresikan emosi tukang cerita yang sekali gus dapat mempengaruhi penontonnya.

## **Puisi sebagai Naratif Lisan Awang Batil.**

Puisi merupakan susunan berangkap dan digunakan dalam penyampaian naratif lisan Awang Batil untuk memberi variasi yang berbeza kepada teknik penceritaan yang disampaikan oleh penglipur lara. Penggunaan puisi juga banyak diselitkan semasa bercerita sama ada dengan berpantun ataupun menyanyi. Bentuk-bentuk puisi ini akan menjadikan penyampaian cerita lebih

menarik dan tidak membosankan. Lagu-lagu yang dipersembahkan adalah bersesuaian dengan peristiwa yang diceritakan dan lirik lagunya juga mempunyai mesejnya tersendiri.

Embun menitik  
Embun menitik di waktu malam  
Hai pungguk terbang sayang  
Pungguk terbang di atas kota

Waktu malam...waktu malam  
Embun menitik  
Hai pungguk terbang sayang  
Pungguk terbang di atas kota  
Air matak....  
Air matak berlinang menitis  
Mengenangkan tuan, sayang  
Mengenangkan tuan yang jauh di mata

Lagu tersebut dinyanyikan oleh Awang Batil dan dapat menggambarkan perasaan sayu dan sedih watak Awang dalam *Cerita Awang Ada Duit Semua Jadi*, apabila beliau berseorangan di dalam hutan pada waktu malam. Lagu ini disampaikan oleh Romli Mahmud dengan penuh perasaan sambil menggesek biola dan meniup serunai. Alunan muzik tersebut memberi kesan emosi yang dapat meningkatkan penghayatan terhadap sesebuah persembahan.

Penggunaan puisi seperti pantun juga memainkan peranan penting untuk menimbulkan interaksi antara penglipur lara dengan khalayak dalam sesebuah persembahan Awang Batil. Pantun yang diungkapkan dapat mencuit hati khalayak yang sekali gus memeriahkan suasana bercerita. Pantun yang diungkapkan tersebut

dapat menimbulkan maklum balas daripada khalayak kerana maksud yang dikemukakan dapat menarik perhatian. Antara contoh pantun yang digunakan adalah seperti berikut:

Bangkit pagi rebus ketupat,  
Taruh makan sehari sebiji;  
Kami nak balik janganlah tuan-tuan  
mengumpat,  
Mintak sebut sehari sekali.

Tinggi-tinggi Bukit Jendalik,  
Bunga pecan di hujung Julai;  
Pagi ini kami nak balik,  
Yang mana makan mintak halai.

Kebijaksanaan tukang cerita juga dapat dilihat daripada susunan idea dan bahasa yang tersusun indah. Persembahan Awang Batil menggunakan bahasa berirama dalam menjelaskan sesebuah peristiwa untuk menggambarkan hal tersebut dalam ungkapan yang lebih menarik. Antara bahasa berirama yang biasa digunakan untuk menjelaskan tentang suasana pada pagi hari adalah seperti berikut:

Ayam pun berkokok jarang-jarang  
basah,  
Murai memancak keluaq pagaq,  
Fajar menyinsing ni merah menyala.

Suasana pagi tersebut digambarkan dengan bahasa indah serta menggunakan gaya bahasa perbandingan yang sesuai. Ini memberi tanggapan bahawa Romli Mahmud merupakan tukang cerita yang arif tentang keindahan bahasa serta bijak

menggambarkan sesuatu peristiwa dengan terperinci dan berkesan. Selain itu, terdapat juga gaya bahasa “matahari pun condong” yang menjelaskan suasana petang yang bertukar ke malam hari. Ungkapan “sebang ngungam-ngugam” pula digunakan untuk menjelaskan perihal bercakap tanpa henti.

Sebagai cerita lisan, faktor bahasa memainkan peranan penting dalam penyampaian lipur lara. Cerita biasanya disampaikan dalam prosa lirik. Penutur lipur lara yang baik dan cekap akan dapat menyampaikan cerita dengan cara yang menarik. Dalam hal ini, kemampuan bercerita dengan bahasa yang berbeza daripada pertuturan seharian harus pula sejalan dengan nada suara dan muzik pengiring (Nasrudin & Salleh, 2015).

Ringkasnya, dapat dikatakan bahawa Awang Batil Romli Mahmud mempunyai bakat luar biasa dalam mengendalikan alat muzik ataupun menyanyikan lagu. Lagu-lagu yang dinyanyikan merangkumi pelbagai bahasa, antaranya lagu-lagu berbahasa Melayu, lagu Siam dan juga lagu Hindi. Selain itu, lagu-lagu tersebut juga diubah suai mengikut peristiwa dalam cerita ataupun mengikut kesesuaian khalayaknya. Gaya dan lenggok badan sambil mengikuti tempo lagu juga menjadi daya tarikan khalayak. Pemilihan lagunya pula mementingkan soal nilai dan pengajaran yang dapat dimanfaatkan oleh khalayaknya. Justeru, Awang Batil dapat dikatakan memenuhi ciri kecerdasan muzik yang dinyatakan dalam Teori Kecerdasan Pelbagai sebagaimana yang dijelaskan oleh Gardner (1983), muzik dapat menimbulkan

interaksi antara manusia dengan manusia yang lain. Khalayak akan turut terhibur dan turut sama memberi reaksi terhadap alunan-alunan muzik ataupun lagu yang disampaikan oleh Romli Mahmud.

## KESIMPULAN

Naratif lisan dalam persembahan Awang Batil memperlihatkan bahawa penceritaan Awang Batil ini bersifat sepanjang zaman bukan milik kolektif masyarakat satu-satu zaman sahaja. Perbincangan tentang dua aspek kecerdasan, iaitu kecerdasan linguistik dan kecerdasan muzik dalam naratif Awang Batil dapat mengungkapkan bahawa penceritaan naratif lisan ini bukan sekadar ungkapan lisan tetapi lebih dari itu. Seseorang penglipur lara perlu mempunyai bakat dan kemahiran dalam pelbagai aspek. Hal ini dijelaskan oleh Gardner (1983), iaitu kekuatan intelek seseorang individu adalah berbeza-beza bergantung kepada pengalaman, persekitaran dan latar belakang budayanya.

Sehubungan dengan itu, hasil perbincangan merumuskan bahawa Awang Batil atau Romli Mahmud merupakan penglipur lara pelbagai kebolehan dalam bidangnya. Beliau mempunyai kemahiran berfikir yang baik walaupun tidak menerima pendidikan yang tinggi. Kecerdasan linguistik dalam aspek pengucapan beradab, penggunaan bahasa khususnya dialek dan aspek kebolehan mengingat dapat menyerlahkan Awang Batil sebagai penglipur lara yang profesional. Di samping itu, pemilihan kata yang disampaikan mampu menarik perhatian khalayak semasa



beliau membuat persembahan sama ada di dalam ataupun di luar negara. Bakat dan kemahiran bermain serta membuat alat muzik merupakan nilai tambah kepada tokoh ini dalam menyerlahkan kebijaksanaan beliau mengendalikan sesebuah persembahan sastera lisan. Justeru, peranan penglipur lara tidak hanya sekadar memberi hiburan semata-mata tetapi lebih dari itu seperti menjadi suri teladan dalam masyarakatnya. Pengucapan beradab Awang Batil yang diketengahkan merangkumi aspek pemilihan kata, pengucapan, aksi dan tingkah laku semasa persembahan Awang Batil yang sekali gus memperlihatkan beliau mempunyai kecerdasan atau kebijaksanaan yang pelbagai sebagaimana yang telah dijelaskan oleh Gardner (1983). Ternyata, aspek-aspek kebijaksanaan dan kecerdasan ini wajar dikaji dan diketengahkan agar ia dapat menjadi panduan kepada generasi muda pada hari ini.

## PENGHARGAAN

Kajian ini merupakan inisiatif daripada penyelidikan dalam tempoh cuti sabatikal yang diperuntukkan oleh Universiti Malaya, Malaysia pada tahun 2023. Ucapan terima kasih juga diberikan kepada Penglipur Lara Awang Batil, iaitu Encik Romli Mahmud atas kerjasama yang diberikan sepanjang kajian dilakukan.

## RUJUKAN

- Ahmad, H. (2007). *Cerita lipur lara tuturan Mir Hasan dan Pawang Ana*. Yayasan Karyawan.
- Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu. (1999). Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Gardner, H. (1983). *The frame of mind: The theory of Multiple Intelligences*. Basic Book.
- Hamid, M. N. S., Jamaludin, A. F., & Ghazali, M. N. S. (2016). Kedudukan penglipur lara Awang Batil dalam era kontemporari kini. In J. Harun & M. L. A. Rahman. *Prosiding Seminar Tradisi Lisan Serantau: Warisan Nusantara Merentas Zaman dan Media* (pp. 326-340). Universiti Sains Malaysia.
- Isa, M. M. (1987). *Awang Batil penglipur lara dari Perlis*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail, M. J., Loo, F. C., & Anuar, A. F. (2021). 'Music in film' for gifted students: The effect of differentiated learning on students' motivation. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*, 29(4), 2709-2728. <https://doi.org/10.47836/pjssh.29.4.33>
- Kassim, M. S. A. (2014). Penglipur lara Awang Batil: Nilai, fungsi dan falsafah dalam penyampaian (cerita dan lagu). In *Symposium of International Languages & Knowledge (SILK)*. Pusat Bahasa Antarabangsa Universiti Malaysia Perlis. [https://www.researchgate.net/publication/316182554\\_Penglipur\\_Lara\\_Awang\\_Batil\\_Nilai\\_Fungsi\\_dan\\_Falsafah\\_dalam\\_Penyampaian\\_Cerita\\_dan\\_Lagu](https://www.researchgate.net/publication/316182554_Penglipur_Lara_Awang_Batil_Nilai_Fungsi_dan_Falsafah_dalam_Penyampaian_Cerita_dan_Lagu)
- Kho, A. P., Noor, M. A. M. & Latip, N. A. M. (2020). Pengaruh kecerdasan pelbagai terhadap pencapaian akademik pelajar bagi subjek pengajian perniagaan di Larut Matang dan Selama, Perak. *Akademika 90*(Isu Khas 3), 115-130.
- Nasrudin, E. A., & Salleh, C. I. (2015). Pemikiran Melayu dalam cerita lipur lara. *Journal of Business and Social Development*, 3(2), 63-79.
- Nasyura, S., Sa'ari, S. S. H., & Rahman, A. A. (2018). Hubungan kecerdasan pelbagai guru sains dengan kemahiran berfikir pelajar. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 3(21), 51-63.

- Rahman, M. L. A. (2014). *Pura Taman: Warisan penglipur lara Jakun*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rahman, M. L. A. (2015). Awang Batil dan Pura Taman: Suatu perbandingan tradisi penglipur lara Melayu dan Orang Asli. *ATIKAN: Jurnal Kajian Pendidikan*, 5(1), 49-64.
- Sikha, D. N. (2023). Two theoretical frameworks of folklore studies and two selected tales from the collection of the Assamese folktales entitled Burhi Air Sadhu: A discursive analysis. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*, 31(1), 25-40. <https://doi.org/10.47836/pjssh.31.1.02>
- Zakaria, S. K., & Daud, M. N. (2021). Penjanaan kemahiran insaniah melalui gaya pembelajaran dan kecerdasan pelbagai. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(4), 65-76.